



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Kementerian Wilayah Persekutuan memandang serius masalah kesihatan mental yang berlaku dalam masyarakat terutamanya di Wilayah Persekutuan pada masa kini. Atas kesedaran ini KWP berhasrat untuk mengenal pasti lebih awal golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan emosi serta ingin menggerakkan pelbagai inisiatif dan tindakan segera melalui kerjasama semua pihak terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat setempat.

Menyedari bahawa isu ini adalah serius dan memerlukan tindakan segera serta memahami bahawa masyarakat setempat merupakan pihak yang paling hampir dengan golongan yang mempunyai gejala tekanan kesihatan mental ini, satu perbincangan secara maya akan diadakan dengan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) peringkat Zon dan Sub-Zon esok, Rabu 30 Jun 2021, jam 2.00 petang bagi menggerakkan tindakan segera untuk membantu mereka yang berisiko ini.

Isu kesihatan mental dalam kalangan anggota masyarakat, terutamanya dalam bandar mesti ditangani segera dan secara bersama oleh kerajaan, pihak yang berkepakaran dalam bidang kesihatan mental dan melalui bantuan daripada anggota masyarakat.

Saya menyeru semua pihak meningkatkan kesiap-siagaan untuk secara proaktif membantu rakyat yang tertekan dengan menghulurkan bantuan sewajarnya.

KWP akan menambah lagi saluran dan program yang boleh membantu golongan berkenaan. Pengumuman akan dibuat dalam masa terdekat.

Dengan adanya peruntukan RM300,000.00 yang telah diluluskan kepada semua wakil rakyat di Wilayah Persekutuan, saya berharap dapat bekerjasama agar segala bantuan dapat diselaraskan dengan lebih baik lagi.

“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”

TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
29 Jun 2021